

11/05/2001

Sidang Dewan ditangguh Julai depan

PERSIDANGAN Dewan Rakyat sesi pertama penggal ketiga Parlimen Ke-10 selama 28 hari yang berakhir semalam, ditangguhkan ke Julai depan.

Sepanjang persidangan yang dirasmikan oleh Yang di-Pertuan Agong, Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah pada 29 Mac lalu, Dewan Rakyat meluluskan usul Rangka Rancangan Jangka Panjang Ketiga (RRJP3) dan Rancangan Malaysia Kelapan (RM-8).

RRJP3 dan RM-8 dibentangkan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, antara lain bertujuan melaksanakan strategi dan menyediakan peruntukan bagi mencapai matlamat Dasar Wawasan Negara.

Pindaan rang undang-undang yang diluluskan pula termasuk Rang Undang-Undang Hakmilik Strata, Rang Undang-Undang Syarikat, Rang Undang-Undang Kanun Tanah Negara.

Turut diluluskan Rang Undang-Undang Kastam, Rang Undang-Undang Cukai Jualan, Rang Undang-Undang Akta Cukai Perkhidmatan, Rang Undang-Undang Eksais, Rang Undang-Undang Zon Bebas, Rang Undang-Undang Pencegahan Pengubahan Wang Haram dan Rang Undang Akta Pendaftaran Negara.

Persidangan Dewan Rakyat sepatutnya ditangguhkan Khamis lalu, tetapi ditambah tiga hari untuk pembentangan rang undang-undang yang perlu disegerakan.

Antara peristiwa menarik sepanjang persidangan itu ialah penggantungan Ahli Parlimen Kota Melaka, Kerk Kim Hock selama tiga hari kerana gagal mematuhi arahan Yang di-Pertua Dewan, Tun Mohamed Zahir Ismail.

Pada persidangan itu juga ahli Parlimen pembangkang memakai lencana dan kain lilit lengan bagi membantah penahanan 10 pemimpin reformasi mengikut Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA).

(END)